



## EKONOMI

### Lebih 100 daftar S.M.A.R.T Niaga@Perak



Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan Azrul Sani Ibrahim (tiga,kanan) dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings, Meor Rezal Fitri Meor Redwan (empat,kanan) bergambar bersama wakil syarikat pengendali platform e-dagang Ketua Kluster Barangan Pengguna Bergerak Pantas Shopee Malaysia Tan Ming Kit (dua,kanan), Pengarah Boost, Eric Chong (dua,kiri) dan Ketua Dasar Awam dan Hal Ehwal Kerajaan Lazada Malaysia Shahrul Azhar Shaari (kanan) pada Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) Inisiatif S.M.A.R.T Niaga@Perak di Hub Inovasi and Multimedia, Digital Perak Corporation Holdings, Mydin Mall Meru Raya, Ipoh hari ini. --fotoBERNAMA (2020) HAK CIPTA TERPELIHARA



14/05/2020 09:49 PM

IPOH, 14 Mei -- Lebih 100 peniaga e-dagang telah berdaftar dengan inisiatif S.M.A.R.T Niaga@Perak sejak ia diwujudkan awal bulan ini sebagai salah satu usaha memudahkan jualan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak Corporation Holdings, Meor Rezal Fitri Meor Redwan berkata inisiatif itu dilaksanakan oleh pihaknya dengan kerjasama syarikat pengendali platform e-dagang Shopee Malaysia (Shopee), Lazada Malaysia (Lazada) dan syarikat pengendali bayaran 'e-dompet' Axiata Digital Ecode Sdn. Bhd (Boost) serta Axiata Digital Capital Sdn. Bhd (Aspirasi), sebuah syarikat yang menyediakan pembiayaan mikro berdasarkan prinsip Syariah.

"Kami berharap lebih ramai peniaga terutama perusahaan kecil dan sederhana di negeri ini berdaftar dengan S.M.A.R.T Niaga@Perak. Platform e-dagang ini juga berupaya memperluas jualan mereka ke pasaran antarabangsa.

"Kita akan meneruskan inisiatif ini selagi ia terus relevan dan membantu rakyat untuk berniaga secara dalam talian," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis pertukaran dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) inisiatif S.M.A.R.T Niaga@Perak di antara Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan Azrul Sani Ibrahim dengan wakil syarikat pengendali platform e-dagang itu di sini, hari ini.

Meor Rezal Fitri berkata peniaga yang berminat boleh mendaftar melalui [digital.perak.my/smartniaga](https://digital.perak.my/smartniaga) sehingga hujung tahun ini untuk pelbagai kategori seperti pakaian, kuih dan biskut raya, barangan kecantikan serta perhiasan rumah.

-- BERNAMA